

2014

Isu Sekolah Bina Insan: Pelajar jangan bimbang

JANATUL FIRDAUS YAACOB

4 Jun 2014

(<http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/selangor-kl/isu-sekolah-bina-insan-pelajar-jangan-bimbang-1.286760>)

SHAH ALAM - Ibu bapa kepada anak-anak yang menuntut di Sekolah Bina Insan (SBI) yang bakal ditamatkan operasinya hujung tahun ini tidak perlu bimbang mengenai sesi persekolahan tahun depan.

Kerajaan negeri membuka beberapa alternatif kepada ibu bapa pelajar SBI untuk meneruskan persekolahan menerusi tawaran pendidikan yang setara di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Yayasan Pendidikan Islam Selangor.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, Jais dan Yayasan Pendidikan Islam Selangor mempunyai alternatif yang lebih baik bagi ibu bapa yang mahukan sistem pendidikan seperti SBI.

“Kita sekarang ini mengatur langkah bagaimana menambahkan lagi Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Selangor supaya lebih banyak. Ia akan memberikan peluang kepada ibu bapa yang berminat mengambil kurikulum seperti itu,” katanya ketika sidang media selepas merasmikan persidangan antarabangsa ‘Engaged Learning’ dan maklumat untuk pembangunan teknologi (CITD) Kurikulum Universiti, semalam.

Dalam pada itu, menurutnya, Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan meneruskan sesi pengajian dan pembelajaran di SBI sehingga penghujung tahun.

“Pada tahun ini ada pelajar yang akan ambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan tamat pengajian manakala bagi pelajar tingkatan satu dan dua mereka juga akan habiskan sesi persekolahan seperti biasa.

“Bagaimanapun pada tahun depan mereka boleh memilih sekolah lain sama ada di bawah kerajaan negeri atau mana-mana yang ada kurikulum sama,” katanya.

Sementara itu, Universiti Selangor (Unisel) dipilih sebagai universiti pertama di Asia mendapat pengiktirafan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi Persidangan Antarabangsa ‘Engaged Learning’ Komunikasi dan Maklumat untuk Pembangunan Teknologi (CITD) Kurikulum Universiti.

Presiden dan Naib Canselor Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad berkata, PBB menaruh keyakinan terhadap Unisel kerana universiti ini mempunyai Institut Pembangunan Komunikasi Asia (Aidcom).

Katanya, dengan adanya pendekatan seperti ini secara tidak langsung membantu pembangunan negara dalam usaha melahirkan insan membantu komuniti.

Di sebalik isu SBI

KEPUTUSAN Mais untuk menutup SBI ternyata mengejutkan banyak pihak. Kira-kira 400 pelajar yang ditempatkan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) di Kajang ini berdepan dilema apabila sekolah swasta aliran pendidikan Islam itu bakal ditutup.

Alasan Mais menutup operasi SBI kerana kekangan kewangan dan perancangan untuk menempatkan 10,000 pelajar di kolej menghamparkan ibu bapa selain bimbang setelah melabur banyak.

Bagaimanapun, Mais dalam pengumumannya menangguhkan penutupan SBI sehingga pelajar sedia ada menamatkan pengajian mereka.

Kerajaan negeri sebelum ini nafi terlibat dalam arahan penutupan SBI atau mempengaruhi keputusan Mais. Malah menggesa menyelesaikan perkara ini secara hemah demi masa depan pelajar.